


**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

ARAHAN TETAP PENGARAH BILANGAN 2 TAHUN 2009

**JADUAL HARIAN PELAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA**

1. TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan berhubung jadual harian, mingguan dan bulanan bagi pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

ARAHAN TETAP PENGARAH BILANGAN 2 TAHUN 2009

**JADUAL HARIAN PELAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA**

1. TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan berhubung jadual harian, mingguan dan bulanan bagi pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

2. TAKRIF

Bagi maksud surat edaran ini:

“IKBN” bermaksud institut latihan kemahiran yang terdiri daripada Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

“Penolong Pengarah Kemahiran” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap semua kemahiran yang terdapat di IKBN yang biasanya terdiri daripada Timbalan Pengarah Kemahiran, Penolong Pengarah Kemahiran atau Ketua Bahagian Kemahiran.

“Penolong Pengarah Bina Insan” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap Bina Insan di IKBN dan biasanya terdiri daripada Timbalan Pengarah Bina Insan atau Penolong Pengarah Bina Insan atau Penolong Pengarah Pengurusan atau Ketua Bina Insan.

“Penyelia Asrama” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan asrama

“Pegawai Kesatria” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap disiplin pelajar dan penguatkuasaan peraturan tata tertib pelajar serta pelaksanaan arahan kepada pelajar dari masa kesemasa.

“Pembantu Hal Ehwal Islam” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap aktiviti keagamaan di IKBN.

“Warden” bermaksud pegawai yang dilantik untuk bertanggungjawab terhadap pelajar selepas dari waktu pejabat.

3. LATAR BELAKANG

Pada masa ini, jadual harian bagi pelajar adalah tidak seragam di semua IKBN. Selain dari itu, terdapat juga IKBN melaksanakan peraturan tanpa pegangan atau berpandukan kepada peraturan tata tertib pelajar. Pelaksanaan yang tidak seragam ini telah menimbulkan masalah dan banyak persoalan kepada pelajar-pelajar IKBN.

4. KETETAPAN JADUAL HARIAN

Dengan ini Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan telah memutuskan jadual harian pelajar adalah seperti berikut:

MASA	PERKARA	TINDAKAN
4.30 pagi / 5.30 pagi	Bangun Pagi / Pengurusan Diri	Warden
5.00 pagi / 6.00 pagi	Solat Subuh Berjemaah	Pem.Hal Ehwal Islam
6.30 – 7.30 pagi	Sarapan Pagi	Penyelia Asrama/Kesatria
7.30 – 8.00 pagi	Perhimpunan Pagi	Kesatria
8.00 – 10.00 pagi	Bengkel / Kuliah	Pengajar
10.00 pagi – 10.30 pagi	Minum Pagi	Penyelia Asrama/Kesatria
10.30 pagi – 12.30 tgh	Bengkel / Kuliah	Pengajar
12.30 tgh – 2.00 petang	Makan / Solat / Rehat	Penyelia/Kesatria
2.00 – 5.00 petang	Bengkel / Kuliah	Pengajar
5.00 - 5.30 petang	Minum Petang / Solat	Warden

5.30 - 6.30 petang	Riadah	Pem.Belia dan Sukan
6.30 - 7.00 malam	Makan Malam	Warden
7.00 - 9.30 malam	Solat Magrib / Kuliah Agama / Aktiviti Surau / Solat Isya' secara berjemaah	Pemb. Hal Ehwal Agama
9.30 - 11.00 malam	Persediaan Pelajar	Warden
11.00 malam	Padam Lampu / Waktu Senyap	Warden

4.1. Pelaksanaan jadual

Jadual tersebut **WAJIB** dilaksanakan oleh semua Pengarah IKBN mengikut waktu yang ditetapkan. Kelonggaran hanya diberikan kepada IKBN yang berada di Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) sahaja disebabkan perbezaan waktu solat.

4.2. Perhimpunan pagi

Perhimpunan pagi **WAJIB** diadakan pada setiap hari dengan dihadiri oleh semua pelajar kecuali jika perhimpunan mingguan atau perhimpunan bulanan diadakan.

Sila rujuk **Arahan Tetap Pengarah Bilangan 3 tahun 2009**.

4.3. Solat secara berjemaah

Solat Subuh, Maghrib dan Isya' **WAJIB** dilaksanakan secara berjemaah di masjid / surau IKBN. Solat secara berjemaah mestilah di imamkan oleh Pembantu Hal Ehwal Islam atau imam yang telah dilantik oleh Jawatankuasa Masjid / Surau IKBN.

Kuliah selepas magrib WAJIB dianjurkan sekurang-kurangnya 2 kali seminggu oleh Jawatankuasa Surau / Masjid. Selain dari itu, aktiviti surau juga boleh dilaksanakan pada waktu tersebut.

4.4. Makan Tengahari / Malam

Makan tengahari perlu dipantau oleh Penyelia Asrama supaya masa untuk pelajar makan dan pembekal makanan menyediakan makan kepada pelajar tidak terlalu lama. Makan malam pula perlu dipantau oleh warden bertugas.

4.5. Aktiviti sukan dan riadah

Aktiviti sukan dan riadah hendaklah di atur oleh Pembantu Belia dan Sukan dengan menyediakan peralatan dan kemudahan yang diperlukan.

4.6. Tutup Lampu / Waktu senyap

Pada jam 11.00 malam, lampu asrama hendaklah ditutup sepenuhnya (hanya tinggalkan lampu koridor dan lampu kecemasan. Pengarah boleh melanjutkan masa tersebut sehingga selewat-lewatnya pada jam 12.30 tengah malam bergantung kepada minggu peperiksaan pelajar atau terdapat aktiviti yang ditetapkan.

Ketua warden hendaklah memastikan pada waktu tersebut, pelajar berada dalam keadaan senyap dan tiada aktiviti-aktiviti dilakukan oleh pelajar. Lampu hendaklah dihidupkan semula pada jam 5.00 pagi.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

Dengan berkuat kuasanya Surat Arahan ini, semua Pengarah dan pegawai serta kakitangan terlibat supaya memastikan jadual harian pelajar diikuti mengikut jadual. Arahan ini merupakan arahan kepada Pengarah dan tidak boleh didedahkan kepada pelajar.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan semua pegawai / kakitangan yang terlibat dengan jadual harian ini mematuhi masa dan melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Ketua Jabatan juga harus memastikan supaya segala tindakan adalah mengikut peraturan tatatertib pelajar yang telah ditetapkan.


TARIKH KUAT KUASA

Peraturan baru ini berkuat kuasa mulai tarikh Arahan Tetap Pengarah ini dikeluarkan.

PEMAKAIAN

Peraturan ini akan diguna pakai di semua IKBN.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(HAJI SAARI BIN SALLEH)
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kemahiran
Kementerian Belia dan Sukan
Bahagian Pembangunan Kemahiran
PUTRAJAYA

27 OGOS 2009

